

## Faktor Kecenderungan Minat Pelajar Terhadap Subjek Bahasa Arab: Kajian Di Management and Science University

*Factors of Tendency on Students' Interest Towards Arabic Language:  
A Study at Management and Science University*

**Mohd Fahimi Zakaria<sup>1</sup> & Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Management and Science University (MSU)  
mohd\_fahimi@msu.edu.my

<sup>2</sup>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
adiamzar@usim.edu.my

### *Article history:*

Received: 6 October 2020

Accepted: 14 December 2020

Published: 17 December 2020

### **Abstrak**

Penawaran subjek bahasa Arab di Management and Science University (MSU) bukanlah suatu yang baharu, bahkan sejak awal penubuhannya lagi. Ia seiring dengan dasar kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengangkat bahasa Arab sebagai bidang profesional yang bertaraf antarabangsa. Sehingga kini, belum ada kajian khusus berkaitan dengan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di MSU lantaran tiada keperluan seperti pada masa kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan oleh pengkaji yang berlatar belakang pengajian bahasa Arab untuk melihat apakah faktor kecenderungan minat pelajar MSU terhadap subjek bahasa Arab khusus pada semester semasa iaitu September 2019. Pengkaji menggunakan pakai kajian kepustakaan melalui pendekatan kualitatif yang menjurus kepada analisis teks melalui pengaplikasian kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu satu set tinjauan atas talian dengan menggunakan *google sheets* dan diedarkan kepada 30 orang pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab daripada program dan fakulti yang pelbagai. Kajian ini menunjukkan bahawa faktor dominan ialah perasaan ingin belajar bahasa baru dalam kalangan pelajar berbanding faktor-faktor lain seperti ingin mengasah semula ilmu yang pernah dipelajari, ingin bekerja di negara Arab, memahami al-Quran, menyahut cabaran dan bantu mengajar yang menyeronokkan. Kajian ini juga merekodkan beberapa butiran penting yang mempengaruhi faktor ini iaitu jantina, semester pengajian, program, fakulti, umur dan subjek. Ini membuktikan bahawa minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab bukan sahaja disebabkan faktor tertentu, tetapi ia juga disebabkan pengaruh lain yang turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan minat pelajar itu sendiri.

**Kata kunci:** Bahasa Arab, faktor kecenderungan, MSU

### **Abstract**

*The offering of Arabic in Management and Science (MSU) is not new, even since its inception. It is in line with government policy through the Ministry of Education Malaysia to promote Arabic as an international professional field. To date, there have been no specific studies related to the journey of Arabic teaching and learning at MSU as there are no such requirements today. Therefore, this study was conducted by those with a background in Arabic seeking to determine what factors are likely to be of interest to MSU students in Arabic during the current semester of September 2019. Researcher adopt a library study through a qualitative approach that leads to text analysis through application of methods descriptive surveys, a set of online surveys using google sheets and distributed to 30 students who took Arabic from a variety of programs and faculties. This study shows that the dominant factor is the desire to learn a new language among students compared to other factors such as refining their knowledge, working in the Arab world, understanding the Quran, responding to challenges and fun teaching aids. This study also records some of the important factors that influence this factor: gender, semester of study, program, faculty, age and subject. This proves that students' interest in the subject matter of the Arabic is not only due to certain factors, but also by other influences which also play an important role in the formation of the student's own interest.*

**Keywords:** Arabic, student's interest, MSU

## Pengenalan

Subjek bahasa Arab merupakan antara subjek bahasa ketiga terpenting apabila kerajaan melalui Kementerian Pendidikan (KPM) mewujudkan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) pada tahun 1995 yang antara fungsinya adalah untuk memperkasakan pendidikan Islam, bahasa Arab, institusi pendidikan agama dan dakwah. Menurut Idris (2015) status bahasa Arab yang tinggi oleh masyarakat Malaysia dan kerajaan adalah disebabkan faktor agama Islam yang menjadi agama rasmi negara sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Selain itu, buku berbahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan tulisan jawi sejak lebih 1000 tahun yang dikenali sebagai kitab kuning (Hashim & Halimah, 2012).

Zainur Rijal dan Rosni (2007) menyebut bahawa kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran, hadith dan kitab-kitab agama Islam menyebabkan masyarakat Melayu berusaha memahami segala ajaran Islam yang dibawa oleh pedagang dan pendakwah Islam ini. Justeru kita dapat perkataan berasal daripada bahasa Arab antara 5843 perkataan yang terkandung di dalam Kamus Dewan (2015) jelas menunjukkan betapa bahasa Arab begitu sinonim dalam bahasa Melayu. Inilah kejayaan para pedagang Arab dan pendakwah India yang datang ke Kepulauan Melayu pada kurun ke-9 sehingga berlaku penempatan kekal, perkahwinan campur dan asimilasi bahasa yang menyumbang kepada penyebaran agama Islam dan bahasa Arab itu sendiri (Idris, 2015).

Kajian ini akan melihat faktor-faktor yang mendorong minat pelajar *Management and Science University* (MSU) terhadap subjek bahasa Arab yang ditawarkan sebagai bahasa ketiga yang diambil oleh pelajar tertentu dari program dan fakulti tertentu. Subjek bahasa Arab di MSU terbahagi kepada dua jenis iaitu subjek wajib (*core subject*) dan subjek pilihan (*option subject*). Bahasa Arab wajib diambil oleh pelajar dari Fakulti Perniagaan dan Pengajian Profesional (FBMP) seperti pelajar program pengurusan Islam, kewangan Islam, Perbankan Islam dan pengajian takaful. Sementara bahasa Arab pilihan pula boleh diambil oleh pelajar dari Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (SESS) dan Fakulti Hospitaliti dan Seni Kreatif (SHCA) sebagai bahasa ketiga selain bahasa Mandarin dan bahasa Jepun.

## Pembelajaran Bahasa Arab

Bahasa Arab bukanlah bahasa yang baharu, sebaliknya ia telah wujud sebelum penurunan al-Quran lagi iaitu sejak kurun ke-7 masih lagi (Mohd Zaki & Che Radiah, 2011) di tanah Arab yang menjadi tempat perjuangan dan dakwah para nabi dan rasul. Sempadan tanah Arab secara mendatar merujuk dari Iraq sehingga ke persisiran pantai Syam dan Mesir manakala arah menegak pula dari selatan Turki sehingga ke persisiran pantai Yaman. Mohd Zaki dan Che Radiah (2010) dalam kajian lain menyebut bahawa bahasa Arab mula dikesan kira-kira dua kurun sebelum hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, bahkan ia berkembang pesat selepas penurunan al-Quran dan tersebar dengan pantas berikutnya penyebaran Islam ke seluruh dunia.

Seterusnya Mohd Shukri (2003) menegaskan bahawa masyarakat Islam Malaysia mula belajar bahasa Arab dan sistem bahasa seperti tatabahasa dan morfologi pada tahun 1937 apabila muncul tokoh agamawan yang bergiat dalam usaha penterjemahan al-Quran seperti Muhammad Ma'adah bin Layang, Abdul Aziz bin Yunus, Itam bin Tahar dan Hashim bin Abdul Ghani. Penekanan terhadap pembelajaran bahasa Arab sangat ditekankan kepada para pelajar pada waktu itu lantaran umat Islam sangat berhajat untuk memahami al-Quran dan ilmu-ilmu Islam seperti hadith, tafsir dan hukum.

Bermula pada kurun ke-20 (Idris, 2015), kerajaan mula memperkenalkan subjek bahasa Arab melalui aliran agama seperti *naww, ?arf, insy ✓ &, mu✓la'ah, iml ✓'* dan *bal ✓ ghah*. Sehingga kini, bahasa Arab bukan sahaja ditawarkan peringkat sekolah rendah dan menengah, bahkan beberapa universiti awam yang menawarkan program pengajian dengan pengkhususan bahasa Arab dalam pelbagai peringkat bermula dari ijazah pertama sehingga ijazah doktar falsafah seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Subjek bahasa Arab sebagai subjek teras atau subjek pilihan ditawarkan di semua university awam di Malaysia dan sebahagian universiti swasta. Pelajar yang mengambil program pengajian ilmu-ilmu Islam akan mengambil bahasa Arab sebagai subjek teras manakala pelajar yang memilih program bukan pengajian Islam boleh mengambil bahasa Arab sebagai subjek pilihan dengan nama yang berbeza mengikut university seperti bahasa pilihan, bahasa ketiga, bahasa asing dan bahasa antarabangsa.

Pembelajaran bahasa Arab secara asasnya (Che Radiah, 2010) adalah bertujuan untuk mengasah empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis yang dapat dipupuk melalui aktiviti pembelajaran yang berkesan seiring dengan tujuan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing dan matlamat yang ingin dicapai supaya proses pembelajaran tidak menjadi hambar. Menurut Hassan Basri (2005) melalui seminar Ijazah Tinggi Pendidikan Islam, hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pengajian bertaraf dunia mendapat sambutan yang positif oleh setiap pihak khususnya pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini melalui bidang pendidikan Islam dan bahasa Arab.

MSU mula menawarkan subjek bahasa Arab sejak awal penubuhannya pada tahun 2001 sebagai Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan (KUTPM) sebelum dinaikkan taraf kepada universiti penuh bermula Oktober 2007. Selain itu, universiti juga memiliki sebuah kolej iaitu Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) yang telah beroperasi sejak tahun 1981 sehingga dinaik taraf kepada MSU College (MSUC) pada tahun 2016. Subjek bahasa Arab di MSU ditawarkan kepada pelajar yang mengambil program pengajian ilmu-ilmu Islam sebagai subjek teras manakala pelajar yang dari program pengajian bukan Islam boleh mengambilnya sebagai subjek pilihan atau bahasa ketiga.

Subjek bahasa Arab di MSU ditawarkan melalui Pusat Pengajian Fundamental (CFS) pada setiap semester pengajian iaitu semester Februari, Julai dan September yang diambil oleh pelajar dari tiga buah pusat pengajian iaitu Fakulti Perniagaan dan Pengajian Profesional (FBMP), Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (SESS) dan Fakulti Hospitaliti dan Seni Kreatif (SHCA). Seramai tiga orang tenaga pengajar bahasa Arab yang berpangkat pensyarah kanan, pensyarah dan penolong pensyarah diamanahkan oleh CFS untuk mengajar dua subjek bahasa Arab iaitu Bahasa Arab I (BAI) dan Bahasa Arab II (BAII). Pengkhususan BAI adalah pada tahap asas seperti huruf, baris, partikel dan perkataan mudah seperti warna, nombor dan kata nama sementara BAII pula memberi fokus kepada kata kerja, pembinaan ayat, penulisan karangan pendek dan komunikasi ringkas.

Kerja kursus BAI dan BAII dijalankan seiring dengan gagasan kerajaan melalui Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang diperkenalkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri pada pertengahan tahun 2016 yang antaranya ujian atas talian seperti *google form*, *classroom*, *quizzes* dan *open learning*. Kerja kursus yang membezakan BAI dengan BAII ialah penghasilan kamus bahasa Arab bagi subjek BAI dan pembentangan poster bagi subjek BAII. Semua tugas ini berdasarkan kepada semester pengajian semasa iaitu semester September 2019.

Maka, pengkaji berpendapat bahawa kurang atau hilangnya minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab di MSU khususnya dan di IPT umumnya disebabkan kekurangan bentuk dan proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) oleh pensyarah yang menghalang kecenderungan minat mereka terhadap subjek tersebut berdasarkan semester dan bilangan pelajar yang dikaji. Bentuk PnP yang dimaksudkan antaranya ialah aplikasi teknologi, aktiviti permainan, komunikasi dua hala dan perbincangan menarik untuk menjadikan suasana PnP lebih aktif, seterusnya mendorong minat yang pelbagai daripada para pelajar terhadap subjek bahasa Arab (Che Radiah dan Norhayuza, 2016). Minat dominan atau tidak akan dapat diterjemahkan oleh pelajar sebagai tujuan pembelajaran dan matlamat yang ingin dicapai melalui pemilihan subjek bahasa Arab pada akhir semester pengajian tersebut.

## Persoalan Kajian

Memandangkan batasan kajian ini hanya berfokus kepada pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab di MSU semester September 2019 sahaja, maka pengkaji hanya akan melihat kepada persoalan apakah faktor kecenderungan minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab khususnya yang ditawarkan pada semester semasa. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis minat pelajar MSU terhadap subjek ini yang implikasi kajian ini akan menyumbang kepada usaha penambahbaikan daripada pihak pensyarah dan juga universiti.

## Metode Kajian

Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan yang menggunakan kajian kualitatif. Kajian kualitatif ini menjurus kepada analisis teks melalui pengaplikasian kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu satu set tinjauan atas talian dengan menggunakan *google sheets* dan diedarkan kepada 30 orang pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab dari program dan fakulti yang dinyatakan sebelum ini. Tinjauan ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai faktor-faktor kecenderungan minat pelajar terhadap bahasa Arab tanpa menyatakan mengapa berlaku kewujudan faktor tersebut.

Instrumen utama dalam kajian ini ialah soal selidik atas talian (*google sheets*) yang disediakan berdasarkan beberapa butiran maklumat seperti semester, subjek, program, fakulti, jantina dan umur. Butiran maklumat tersebut akan membantu memudahkan kajian ini kerana ia dapat memberi kesimpulan awal apakah faktor-faktor lain atau sampingan yang mempengaruhi minat pelajar terhadap subjek ini.

## Analisis Kajian

Hasil dari soal selidik yang dijalankan, pengkaji cuba mengumpulkan beberapa maklumat penting mengikut bilangan dan disediakan dalam bentuk jadual supaya analisis kajian dapat dibuat dengan mudah. Butiran maklumat ada seperti berikut:

1. Latar belakang pelajar
  - i. Jantina

Iaitu Lelaki (L) dan Perempuan (P).

Jantina	L	P
Bilangan	6	24

- ii. Semester pengajian

No. pelajar	1201602	1201702	1201907	1201902	1201909
Semester	8	6	2	3	1
Bilangan	1	2	23	1	3

- iii. Subjek

Iaitu kod subjek Bahasa Arab I (BAI) dan Bahasa Arab II (BAII).

Kod subjek	UCS1093	UCS0053	UCS1103
Nama subjek	BAI	BAII	BAII
Bilangan	16	10	4

#### iv. Program dan Fakulti

Lima program pengajian berkaitan iaitu Pendidikan Awal Kanak-Kanak (BECE), Terjemahan dan Interpretasi (DTI), Pengurusan Hospitaliti (DHM), Kewangan Islam (DIFN) dan Perbankan Islam (DISB). Tiga fakulti yang terlibat iaitu Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (SESS), Fakulti Hospitaliti dan Seni Kreatif (SHCA) dan Fakulti Perniagaan dan Pengajian Profesional (FBMP).

Program	BECE	DTI	DHM	DIFN	DISB
Fakulti	SESS	SESS	SHCA	FBMP	FBMP
Bilangan	3	13	5	7	2

#### v. Peringkat pengajian

Hanya melibatkan dua peringkat di MSU iaitu Diploma dan Ijazah Sarjana Muda (BA)

Peringkat	Diploma	BA
Bilangan	23	7

#### vi. Umur

Umur (tahun)	18	19	20	21	22	23	24	29
Bilangan	19	1	1	4	1	2	1	1

#### 2. Respon pelajar mengikut faktor dominan

	Respon	Bilangan
Faktor (1)	“Perasaan ingin belajar bahasa yang baharu”	16
Faktor (2)	“Ingin mengasah semula suatu yang pernah dipelajari dahulu”	4
Faktor (3)	“Mencuba peluang pekerjaan di negara Arab”	4
Faktor (4)	“Mendalami bahasa al-Quran”	4
Faktor (5)	“Mencuba suatu bahasa yang susah dan sukar”	1
Faktor (6)	“Bahan mengajar yang memudahkan”	1

#### 3. Ulasan

Berdasarkan semua maklumat yang dikumpul seperti dalam jadual sebelum ini, maka pengkaji berpendapat bahawa faktor dominan yang menyumbang kepada tahap kecenderungan pelajar terhadap subjek bahasa Arab di MSU khususnya pada semester semasa ialah “keinginan pelajar sendiri untuk belajar suatu yang baharu” khususnya bahasa Arab sebagai bahasa yang baharu bagi mereka. Ini jelas dapat dilihat apabila 16 pelajar menyatakan respon yang menyokong faktor sekaligus memberi jumlah peratusan sebanyak 53.33% iaitu melebihi separuh dari jumlah keseluruhan. Jika dilihat pada hasil dapatan dari jadual umur (vi) dan jadual program (iv), kebanyakan pelajar yang merupakan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari yang tidak mengambil bahasa Arab di sekolah. Kemungkinan ini dibuktikan dengan hasil dapatan dari jadual respon pelajar mengikut faktor dominan (no.2) iaitu faktor ingin belajar bahasa yang baharu.

Selain itu, faktor ini juga disokong dengan hasil dapatan dari jadual program (iv) iaitu 13 pelajar dari program DTI membuktikan sebanyak 43.33% berbanding program BECE (3) 10%, DHM (5) 16.6%, DIFN (7) 23.33% dan DISB (2) 6.67%. Hasil dapatan dari jadual semester (ii) juga mempengaruhi faktor minat pelajar iaitu seramai 3 pelajar semester pertama dan 23 pada semester dua yang menjadi bukti bahawa pelajar baharu di MSU mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab sebagai suatu yang baharu bagi mereka. Pengkaji sekali lagi melihat bahawa hasil dapatan dari jadual subjek (iii) yang sekali lagi menyokong faktor ini iaitu majoriti pelajar bahasa Arab adalah dari subjek BAI kerana subjek ini hanya memberi fokus kepada sistem bahasa yang asas sahaja seperti yang disebutkan sebelum ini (hlm. 3).

Hasil dapatan dari jadual subjek (iii) seiring dengan apa yang ditekankan oleh Che Radiah dan Norhayuza (2016) bahawa silibus pengajian bahasa Arab yang berkonsepkan permainan aktiviti dapat meningkatkan motivasi pelajar selain menggalakkan proses pembelajaran dalam situasi yang menyeronokkan. Selain itu melalui aktiviti permainan nombor, perkataan dan warna akan menjadikan pelajar itu berpeluang mendapat pengalaman baharu yang menghilangkan rasa bosan. Berdasarkan huraian ini, pengkaji melihat bahawa faktor dominan yang dinyatakan pada hasil dapatan dari jadual (no.2) turut disokong oleh faktor-faktor sampingan lain yang menyumbang kepada tahap kecenderungan pelajar MSU terhadap subjek bahasa Arab pada semester September 2019 ini.

Faktor (2), (3) dan (4) pada hasil dapatan dari jadual (no.2) pula masing-masing dipilih oleh empat pelajar iaitu hanya 13.33% sahaja. Jika dilihat pada faktor (2) iaitu “*ingin mengasah semula suatu yang pernah dipelajari dahulu*”, dapat dilihat bahawa kesemua empat pelajar tersebut dari program BECE, DIFN dan DISB yang mungkin pernah mengambil subjek bahasa Arab sewaktu di sekolah menengah. Ini adalah kerana kebiasaan pelajar yang mengambil DIFN dan DISB khususnya mereka mempunyai asas bahasa Arab berikutan subjek yang ditawarkan dalam program tersebut memerlukan kefahaman asas bahasa Arab seperti *u ? ﷺ al-fiqh, qaw ✓ ‘id fiqhiyyah, maq ✓ sid al-syariah* dan lain-lain.

Faktor (3) pula iaitu “*mencuba peluang pekerjaan di negara Arab*” juga ada kewajarannya yang diharapkan oleh pelajar MSU khususnya pelajar program DHM kerana sesuai dengan fokus kerajaan melalui program ini iaitu untuk memperkenalkan sektor perhotelan dan pelancongan negara kepada dunia luar termasuklah negara Arab (Zainur Rijal & Rosni: 2007). Pengkaji juga mendapat maklumat bahawa MSU sedang dalam proses menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MSU dengan Hospital Raja Abdul Aziz, Arab Saudi yang pengkaji sendiri terlibat dalam tugas terjemahan isi kandungan MoU tersebut ke dalam bahasa Arab secara tidak langsung. Maklumat ini jelas menyokong faktor (3) ini yang sememangnya menjadi antara fokus utama MSU dalam pelaksanaan program pengajian hospitality seperti DHM.

Sementara faktor (4) pula iaitu “*mendalami bahasa al-Quran*” bertepatan dengan penegasan Maimun Lubis (2009) bahawa bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran sememangnya menjadi harapan setiap muslim untuk belajar dan memahami serta mengamalkan dalam kehidupan. Bahasa Arab yang telah menjadi

bahasa utama ilmu-ilmu Islam seperti hadith Rasulullah SAW dan sumber rujukan agama Islam sehingga menjadi bahasa dunia kesan dari penyebaran agama Islam ke pelosok dunia. Faktor (4) ini dipilih oleh empat pelajar yang beragama Islam yang sedia difahami tuntutan memahami al-Quran melalui pembelajaran bahasa Arab yang menurut Zulazhan et. al (2014) ia merupakan mukjizat yang perlu difahami dari segi lafaz, makna dan konteks.

Akhir sekali faktor (5) dan faktor (6) masing-masing seorang pelajar sahaja yang menyumbang sebanyak 3.33% dari keseluruhan pelajar. Faktor (5) ini pernah disuarakan oleh Azman (2007) yang menyatakan bahawa tanggapan bahasa Arab susah dan sukar bukan hanya dalam kalangan pelajar sahaja tetapi juga dalam golongan professional. Sementara faktor (6) pula kemungkinan pelajar melihat pada faktor yang bersifat teknikal iaitu bahan bantu mengajar. Faktor ini disokong oleh Che Radiah, Pabiyah, Norhayuza dan Abd Rauf (2010) bahawa bahan pengajaran seperti aktiviti, modul, permainan, peta minda dan kamus merupakan aspek penting ke arah sistem pembelajaran bahasa Arab yang menyeronokkan.

## **Kesimpulan**

Kajian ini membuktikan bahawa umur paling tinggi menyumbang kepada faktor minat pelajar terhadap bahasa Arab yang menjadi tajuk kajian ini iaitu usia muda lebih mendorong pelajar untuk belajar. Pelajar semester pertama merupakan pelajar lepasan sekolah menengah sekitar usia 18 tahun yang mempunyai semangat yang tinggi di samping sebagai ulangkaji subjek yang telah dipelajari sewaktu peringkat sekolah menengah. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa latar belakang jantina dengan program pengajian juga menyumbang kepada tajuk kajian ini sekaligus penyumbang besar kepada faktor kecenderungan minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab. Hasil kajian ini merumuskan bahawa dapatan kajian melalui respon pelajar mengikut faktor dominan ini membuktikan kajian telah mencapai objektif dan menjawab persoalan apakah faktor kecenderungan minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab. Akhir sekali, diharapkan kajian ini dapat diteruskan dalam konteks yang lebih luas khususnya batasan kajian dan responden terpilih memandangkan kajian ini hanya membataskan kepada 30 orang pelajar sahaja yang mengambil subjek bahasa Arab pada semester September 2019. Kajian seperti ini diperlukan bagi melihat minat para pelajar yang berbeza mengikut latar belakang yang pelbagai dan bagaimana penambahbaikan yang boleh diusahakan.

## Rujukan

- Azman Che Mat. 2007. *Teknik menulis karangan bahasa Arab secara efektif dan praktikal*. Batu Cave: Edusystem Sdn. Bhd.
- Che Radiah Mezah. 2010. *Pengajaran bahasa Arab: himpunan pedoman buat guru dan bakal guru (siri 1)*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohamad. 2016. *50 permainan bahasa Arab: panduan praktikal untuk guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa & Halimah Pondo. 2012. *Isu Sosiolinguistik di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan. 2005. *Pendidikan Islam dan bahasa Arab, perspektif pengajian tinggi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Idris Mansor. 2015. Prosedur Peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan Rihlat Ibnu Battutah: *Kajian Malaysia*. 33 (2): 61-81.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2005. Dlm. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani (Eds.). *Pendidikan Islam dan bahasa Arab, perspektif pengajian tinggi (173-188)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Dewan* (edisi ke-4). 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimun Aqsa Lubis. 2009. *Suruq tadr̄is al-lughah al-'arabiyyah wa 'id ✓ d dur̄sих ✓ f̄ Maliziy ✓*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shukri Hanapi. 2003. *Terjemahan al-Quran dalam pelbagai perspektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. 2010. *Ciri-ciri bahasa Arab: fonologi, morfologi dan sintaksis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. 2011. *Mukhta ?arf f̄ nasya'h al-lughah al-'arabiyyah wa lahj ✓ tih ✓ wa 'ul̄mih ✓*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. 2007. *Kesan bahasa Arab dalam peradaban Melayu di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zulazhan Ab. Halim, Mohd Hazli Yah@Alias, Mohd Shahrizal Nasir & Mohd Fauzi Abdul Hamid. 2014. *Bahasa al-Quran yang tersurat dan tersirat*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.